



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



eBULETIN

JABATAN ALAM SEKITAR

BIL. 3/2024

JULAI - SEPTEMBER

E - ISSN 2710-5644



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) & ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)



“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

BIL. 3 TAHUN 2024
JULAI - SEPTEMBER



Kumpulan
Editorial



KETUA EDITOR
Hajah Azuri
Azidah binti Haji
Saedon



EDITOR
Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim



EDITOR
Zainirul Ailis
binti Mustafa

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

ARTIKEL 4-6

JULAI 2024

MESYUARAT KE-25 TECHNICAL WORKING GROUP (TWG) AND SUB-REGIONAL MINISTERIAL STEERING COMMITTEE (MSC) ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION LAWATAN KETUA PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN AIR KEBANGSAAN KE JABATAN ALAM SEKITAR 8

MESYUARAT KE-46 OPEN-ENDED WORKING GROUP (OEWG46) BAGI NEGARA PARTI KEPADA PROTOKOL MONTREAL MENGENAI BAHAN-BAHAN YANG MEMUSNAHKAN LAPISAN OZON 9-10

LAWATAN JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT KE UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN) BAGI PERSEDIAAN PENGANJURAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-30 TAHUN 2024 11

THE 43RD REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING 12

BENGKEL PELAN TINDAKAN UDARA BERSIH KEBANGSAAN KE ARAH LANGIT BIRU 13

MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PROGRAM PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SERTA KAWASAN LAIN BERISIKO KEBAKARAN UNTUK MENGATASI JEREBU 14

OGOS 2024

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 2/2024 15

JABATAN ALAM SEKITAR PERTINGKATKAN PEMANTAUAN PENCEMARAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BERSAMA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM) 16-17

SESI LIBAT URUS PEMAKAIAN AMLA BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 34B, AKAS 1974 DAN SESSI LIBAT URUS PINDAAN AKAS 1974 – PERSPEKTIF PEMBUKTIAN KES 18

SEPTEMBER 2024

JABATAN ALAM SEKITAR TURUT SEMARAKKAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2024 PERINGKAT NRES 19

MESYUARAT KEDUA PULUH MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP (MSJCE WG) 20-21

FOCUS GROUP DISCUSSION BAGI PENAMBAHBAIKAN PEMAKAIAN “ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT GUIDELINES FOR DEVELOPMENT IN SLOPE AND HILL AREAS” ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT 22

MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 2/2024 23-24

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN 25

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN PASUKAN PENYELAM JABATAN ALAM SEKITAR 26

UCAPAN SELAMAT MENYAMBUK HARI OZON SEDUNIA 2024 DARIPADA DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR KETUA PENGARAH JAS 27

BENGKEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) 28

PROGRAM SINERGI JURURUNDING EIA BERTEMPAT DI HOTEL DORSET, PUTRAJAYA ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT PADA 25 SEPTEMBER 2024 29-30

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS 31-34

WORD PUZZLE 35

PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR

Syukur Alhamdulillah,

Jabatan Alam Sekitar telah berjaya menerbitkan e-Buletin JAS Bilangan 3 Tahun 2024 yang melaporkan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai hingga September 2024.

Jabatan Alam Sekitar turut meraikan Hari Ozon Sedunia pada 16 September dengan tema "*Montreal Protocol: Advancing Climate Action*". Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan lapisan ozon dan bagaimana tindakan kita boleh mempengaruhi perubahan iklim.

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Vienna bagi Perlindungan Lapisan Ozon dan Protokol Montreal mengenai Bahan-bahan Pemusnah Lapisan Ozon pada 29 Ogos 1989. Sebagai negara Parti kepada Protokol Montreal, Malaysia telah memenuhi obligasi untuk menghentikan pengimportan klorofluorokarbon (CFC), halon dan karbon tertaklorida (CTC) serta mengawal pengimportan Metil Bromida. Usaha kolektif global di bawah Protokol ini bukan sahaja membolehkan pemulihan lapisan ozon, tetapi juga memberi sumbangan yang ketara dalam mengurangkan kesan perubahan iklim.

Sempena sambutan Hari Ozon Sedunia 2024, saya menyeru supaya setiap anggota masyarakat untuk memainkan peranan dalam melindungi lapisan ozon dengan mengurangkan penggunaan produk yang mengandungi bahan pemusnah ozon seperti HFC. Selain itu, mengamalkan penggunaan tenaga yang cekap dan mengurangkan pelepasan karbon juga membantu memerangi perubahan iklim. Langkah-langkah kecil seperti menanam pokok dan menyokong produk yang mesra alam dapat memberi impak besar terhadap kesihatan alam sekitar.

Ucapan tahniah dan terima kasih kepada kumpulan editorial e-Buletin JAS atas usaha gigih dalam menerbitkan e-Buletin ini. Semoga artikel-artikel yang disediakan dapat menarik minat seluruh warga JAS untuk membaca.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua bahagian yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam usaha menjayakan penerbitan e-Buletin ini.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



CABARAN PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL), 2005 DI PREMIS BENGKEL SERVIS KENDERAAN

Menurut laporan Statistik Pengangkutan Malaysia, pada tahun 2022 sebanyak 1,455,199 bilangan pendaftaran baharu kenderaan di Malaysia didaftarkan dan daripada jumlah tersebut, 50.63% adalah motokar. Berlakunya peningkatan sebanyak 40.5% berbanding tahun 2021. Manakala jumlah terkumpul kenderaan pula adalah sebanyak 35,092,737 buah dan daripada jumlah itu didapati 47.22% adalah kereta di mana berlakunya 4.7% peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Wilayah Persekutuan dicatatkan sebagai negeri dengan bilangan pendaftaran baharu tertinggi untuk motokar iaitu sebanyak 39,609 buah.

Berikutan dengan peningkatan kenderaan tersebut, maka tidak hairanlah bengkel servis kenderaan bertambah dan dibuka dengan lebih banyak lagi. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah merekodkan inventori sebanyak 574 buah premis pembaikan kenderaan bermotor yang aktif.

Bengkel servis kenderaan merupakan antara contoh salah satu pengeluar buangan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005.



Di bawah Seksyen 2, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, buangan terjadual bererti apa-apa buangan yang ditetapkan oleh Menteri dalam Peraturan-Peraturan sebagai buangan terjadual. Manakala di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, buangan terjadual ertinya apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

Operasi bengkel servis kenderaan ini menghasilkan beberapa jenis buangan terjadual. Antara paling biasa dan banyak ditemui adalah minyak pelincir terpakai (SW305), minyak hidraulik terpakai (SW306), emulsi minyak mineral-air terpakai (SW307), buangan minyak atau enap cemar berminyak (SW311), sisa berminyak (SW312), bekas, beg atau kelengkapan yang dilupuskan yang dicemari dengan bahan kimia, minyak mineral atau buangan terjadual (SW409) dan kain buruk, plastik, kertas atau turas (used oil filter) yang dicemari dengan buangan terjadual (SW410).

Selain itu terdapat juga buangan bateri asid plumbum dalam bentuk sempurna atau hancur (SW102), buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik (SW110), buangan cecair terma seperti coolant radiator (SW327) dan buangan cat (SW417) juga cat terbuang atau yang tidak mengikut spesifikasi yang mengandungi pelarut organik (SW418). Manakala kenderaan yang dilucuthak oleh agensi berwajib dikategorikan sebagai campuran buangan terjadual dan buangan tidak terjadual (SW422).

Pemeriksaan di premis bengkel servis kenderaan, semakin hari menjadi semakin mencabar ekoran dengan pertambahan bilangan bengkel dan penguatkuasaan pula hanya dapat dilakukan dengan kekuatan pegawai sedia ada di Jabatan. Ditambah pula dengan aduan oleh orang awam yang kini mempunyai kesedaran tinggi tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Setiap tahun JAS pasti menerima aduan mengenai pengusaha bengkel yang gagal menguruskan buangan terjadual mereka dengan baik. Antaranya terdapat bengkel membuang minyak pelincir (minyak hitam) terpakai ke dalam longkang dan bengkel tidak menguruskan penuras minyak terpakai (used oil filter) dengan betul.



Di sebalik semua itu, pegawai JAS telah sehabis daya berusaha bagi memastikan pengusaha bengkel mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005. Namun cabarannya tetap sentiasa ada. Antara cabaran terbesar penguatkuasaan di premis bengkel adalah dalam memberi kefahaman kepada pengusaha bengkel mengenai tanggungjawab premis untuk mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 secara umumnya dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 secara khususnya.

Selain itu, kebanyakan pengusaha bengkel menjalankan operasi servis kenderaan secara kecil-kecilan berbanding pusat servis kenderaan berskala besar yang mempunyai pekerja yang ramai, kewangan yang bagus dan fasiliti yang mencukupi untuk menguruskan buangan terjadual dengan baik.



Bengkel-bengkel kecil ini kebiasaannya menghadapi masalah untuk mengadakan orang yang berwibawa bagi menguruskan buangan terjadual dan tiada kemudahan capaian internet untuk akses ke Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS) yang dibangunkan oleh JAS untuk menguruskan rekod pergerakan buangan terjadual secara atas talian.

Bengkel-bengkel kecil ini juga berdepan dengan situasi penghasilan kuantiti buangan terjadual yang sedikit pada setiap bulan tetapi terpaksa menanggung kos pelupusan yang tinggi dan ini sekaligus menyebabkan pengusaha rasa terbeban. Disebabkan itu, kebanyakan pengusaha bengkel mengabaikan hal pengurusan buangan terjadual. Ini juga turut mendorong berlakunya pelupusan haram buangan tersebut.

Kegagalan pengurusan buangan terjadual di bengkel boleh menyebabkan pencemaran ke aliran air seterusnya ke sungai dan menjejaskan sumber bekalan air minuman. Hal ini memberikan kesan negatif dan memudaratkan kesihatan manusia. Bahan buangan terjadual yang memasuki sungai akan mengurangkan oksigen dalam air, menjadi faktor ikan mati dan mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan biodiversiti hidupan akuatik.

Menjadi tanggungjawab pegawai JAS untuk mendepani situasi dan cabaran begini setiap kali menjalankan pemeriksaan di bengkel servis kenderaan. Lebih-lebih lagi pemeriksaan terhadap premis bengkel yang baru memulakan operasi.

Cabaran penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 di bengkel servis kenderaan dari masa ke semasa boleh diatasi dengan memperkasa Jabatan dan memperkukuhkan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai di Jabatan.

Selain itu, cabaran dapat dikurangkan dengan keberkesanan penguatkuasaan ditingkatkan iaitu pengusaha bengkel-bengkel diberikan kesedaran mengenai kepentingan mematuhi undang-undang berkaitan alam sekitar dan melaksanakan pematuhan sendiri (self-regulation) dalam pengurusan alam sekitar.

Peranan menjaga alam sekitar bukan terletak di bahu JAS semata-mata tetapi adalah menjadi peranan bersama. Semua pihak perlu bertanggungjawab dan berkerjasama supaya pencemaran alam sekeliling dapat diatasi.

Penulis : Nor Azizah binti Zainudin
JAS : JAS W. P. Kuala Lumpur
Emel : norazizah@doe.gov.my

MESYUARAT KE-25 TECHNICAL WORKING GROUP (TWG) AND SUB-REGIONAL MINISTERIAL STEERING COMMITTEE (MSC) ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION



2 JULAI 2024, THAILAND – Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar bersama Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sedang menghadiri Mesyuarat ke-25 Technical Working Group (TWG) and Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution yang diadakan pada 2-3 Julai 2024 di Bangkok, Thailand.

Keahlian mesyuarat adalah terdiri daripada negara-negara di Selatan Rantau ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand serta sekretariat ASEAN sebagai urus setia. Kehadiran delagasi Malaysia yang turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar, BPAS NRES dan Jabatan Matereologi Malaysia ke mesyuarat yang diadakan setiap tahun ini adalah untuk memastikan kepentingan negara dalam isu pengurusan jerebu di peringkat serantau dapat dipertahankan selaras dengan keutamaan dan dasar semasa Kerajaan.



LAWATAN KETUA PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN AIR KEBANGSAAN KE JABATAN ALAM SEKITAR



5 JULAI 2024, PUTRAJAYA - Kunjungan hormat Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), YBrs. Ir. Mohd Zaki Mat Amin kepada YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar hari ini bertujuan untuk membincangkan secara mendalam berhubung pembangunan aplikasi pemantauan kualiti, penarafan dan pengkelasan sungai (rating and ranking river) di Malaysia.

Kunjung hormat ini disertai dengan lawatan ke Bilik Kawalan Pencemaran (EDC) dengan diiringi oleh YBrs. Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) bagi melihat dan meninjau secara dekat pengoperasian yang dijalankan di bilik kawalan ini.



MESYUARAT KE-46 OPEN-ENDED WORKING GROUP (OEWG46) BAGI NEGARA PARTI KEPADA PROTOKOL MONTREAL MENGENAI BAHAN-BAHAN YANG MEMUSNAHKAN LAPISAN OZON



12 JULAI 2024, CANADA - Mesyuarat ke-46 Open-ended Working Group (OEWG46) bagi negara parti kepada Protokol Montreal mengenai Bahan-bahan yang Memusnahkan Lapisan Ozon merupakan mesyuarat tahunan peringkat kumpulan kerja bagi membincangkan isu-isu terkini mengenai pengurusan dan pemantauan penggunaan serta pengeluaran bahan-bahan pemusnah lapisan ozon.



Mesyuarat OEWG46 telah diadakan di Bangunan ICAO, Montreal, Canada, bermula pada 8 hingga 12 Julai 2024. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua negara parti kepada Protokol Montreal dan juga panel-panel pakar daripada Technology, Economy Assessment Panel (TEAP), Scientific Assessment Panel (SAP) dan Environmental Effects Assessment Panel (EEAP). Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar IbuPejabat (JAS), Dr. Norhazni Mat Sari dan turut hadir bersama adalah Ketua Seksyen Perlindungan Ozon, KPPK En. Ryan Ooi Chean Weai serta wakil dari Bahagian Pengurusan Alam Sekitar (BPAS), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), KPSU Puan Mazrini Mohmad. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Dr. TKPO telah berjaya mengadakan pelbagai perbincangan dengan delegasi dari Unit Ozon Kebangsaan China, Proklima GIZ, World Bank dan A-Gas.



Pakar-pakar daripada ketiga-tiga panel tersebut telah melaporkan hasil penilaian dan kajian berkenaan pengurusan serta pemantauan status lapisan ozon untuk dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini. Antara perkara-perkara berbangkit yang dibincangkan dalam OEWG46 adalah: (i) pengukuhan institusi Protokol Montreal dengan menangani perdagangan haram; (ii) mengelakkan import produk dan peralatan yang tidak cekap tenaga; (iii) keperluan maklumat tambahan mengenai bahan pemusnah ozon yang sangat singkat hayat tempohnya; (iv) penggunaan bahan terkawal di bawah Protokol Montreal sebagai bahan asas/ mentah; (v) langkah-langkah untuk menyokong pengurusan mampan halon yang dipulihkan, dikitar semula, atau diperolehan semula; (vi) langkah-langkah untuk memudahkan peralihan kepada inhaler dos bermeter dengan propelan berpotensi pemanasan global rendah atau produk alternatif lain; (vii) peningkatan pemantauan atmosfera serantau bagi bahan terkawal; dan (viii) mengukuhkan persekitaran yang membolehkan untuk meningkatkan kecekapan tenaga dalam sektor penyejukan semasa pelaksanaan Pindaan Kigali. Hasil perbincangan dalam mesyuarat ini akan diangkat dan dimuktamadkan dalam mesyuarat COP13MOP36 yang akan diadakan pada 28 Oktober hingga 01 November 2024 di Bangkok, Thailand.



LAWATAN JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT KE UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN) BAGI PERSEDIAAN PENGANJURAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-30 TAHUN 2024



17 JULAI 2024, UNITEN, KAJANG - Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menganjurkan Pertandingan Debat Alam Sekitar (DAS) antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ke-30 Tahun 2024, dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), serta penglibatan Rakan Strategik iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sehubungan perkara tersebut, JAS Ibu Pejabat telah menjalankan satu sesi lawatan tapak bagi melihat semula fasiliti yang berkaitan di IPT tuan rumah yang telah dipilih bagi pertandingan pada tahun ini iaitu Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Delegasi JAS seramai empat (4) orang diketuai oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik yang menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, serta turut disertai oleh wakil MADUM.

Tujuan lawatan tapak ini diadakan adalah bagi memastikan setiap aspek penganjuran diambil kira dari awal serta turut membincangkan dan menyenaraikan perkara-perkara yang dapat dilihat bersama bagi memastikan penganjuran pertandingan DAS ini sentiasa berada di tahap yang membanggakan. Penganjuran yang cemerlang pasti dapat dicapai hasil daripada kerjasama yang kukuh dan komitmen tinggi daripada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran ini kelak.



THE 43RD REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING

24 JULAI 2024, SINGAPURA - Mesyuarat Revolving Fund Committee (RFC) ke-43 telah diadakan pada 24 Julai 2024 di M Hotel, Singapura. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Capt. Muhammad Segar Abdullah, Assistant Chief Executive (Operations), Maritime and Port Authority of Singapore (MPA) yang turut melibatkan delegasi-delegasi daripada Indonesia, Malaysia, Singapura dan Executive Director Malacca Strait Council (MSC) yang baharu iaitu Mr. Toru Adachi.

Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia selaku Ketua Delegasi dan diiringi oleh Encik Norjipin bin Saidi, Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Puan Norina Frederick Sambang, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Air dan Marin, JAS sebagai wakil delegasi Malaysia.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan laporan kewangan Revolving Fund (RF) bagi tahun 2023/2024, perancangan program, aktiviti dan kos pengoperasian RF serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal RFC 2024 pada Februari yang lalu.

RFC ini adalah jawatankuasa yang diwujudkan untuk menguruskan dana Tabung Pusingan Selat Melaka dan Selat Singapura yang telah disumbangkan oleh pihak MSC sejak tahun 1981 bagi membantu negara pesisir Selat Melaka dan Selat Singapura iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura dalam mengurus pencemaran marin kesan daripada insiden tumpahan minyak yang berpunca daripada kapal yang berlaku di dalam kawasan kedua-dua selat tersebut (Selat Melaka dan Selat Singapura).



BENKEL PELAN TINDAKAN UDARA BERSIH KEBANGSAAN KE ARAH LANGIT BIRU



30 JULAI 2024, SELANGOR - Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan 'Bengkel Memuktamadkan Draf Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan (PTUBK) Ke Arah Langit Biru' pada 30 Julai – 1 Ogos 2024 bertempat di Hotel Best Western, I-City, Shah Alam Selangor.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memurnikan draf PTUBK yang telah disediakan seterusnya memuktamadkan pelan ini selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Bengkel yang telah dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan ahli akademik ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perkongsian maklumat, pandangan, buah fikiran dan bidang kepakaran dalam menambahbaik dan memperincikan ke arah memuktamadkan 'Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan (PTUBK) Ke Arah Langit Biru'.



MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PROGRAM PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SERTA KAWASAN LAIN BERISIKO KEBAKARAN UNTUK MENGATASI JEREBU



30 JULAI 2024, SELANGOR - YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah mempengerusikan 'Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran untuk Mengatasi Jerebu' bermula bertempat di Hotel Best Western, I-City, Shah Alam Selangor.

Mesyuarat telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dan Negeri dan pegawai-pegawai dari agensi pelaksana yang berkaitan iaitu wakil dari Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Negeri Sabah dan Majlis Bandaraya Miri, Sarawak.

Objektif mesyuarat adalah untuk membentangkan dan membincangkan pengurusan tanah gambut negeri-negeri terlibat di bawah 'Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran untuk Mengatasi Jerebu'.



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 2/2024

5-8 OGOS 2024, SHAH ALAM - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah mempengerusikan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang telah diadakan pada 5-8 Ogos 2024 bertempat di Shah Alam. Ketua Pengarah Alam sekitar di dalam amanatnya menyatakan apa yang ingin dicapai oleh Jabatan haruslah selari dengan AKAS (Pindaan) 2024 kerana dengan pindaan Akta ini, pegawai JAS hendaklah melengkapkan diri dari segi pelbagai aspek seperti pengetahuan terutamanya 'emerging issues', kemahiran teknikal dalam melaksanakan penguatkuasaan, pendakwaan dan lain-lain bagi menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Penambahbaikan secara berterusan haruslah dibudayakan dalam memastikan visi dan misi Jabatan dapat dicapai.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai pengukuhan penyampaian perkhidmatan Jabatan yang telah menjangkau usia 50 tahun penubuhannya. Ini adalah untuk memastikan setiap perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Jabatan dapat dilaksanakan dengan teratur dan penuh dedikasi. Di samping itu, mesyuarat juga menekankan kepentingan memperincikan perkara-perkara yang melibatkan kerjasama antara Jabatan dan Agensi lain. Ini adalah bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada masyarakat.





JABATAN ALAM SEKITAR PERTINGKATKAN PEMANTAUAN PENCEMARAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BERSAMA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)



15 OGOS 2024, PUTRAJAYA – Majlis Menandatangani MoU antara Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) merupakan langkah proaktif Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam memperkasakan jalinan kerjasama bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Kerjasama strategik antara JAS dan APM ini merupakan inisiatif terbaik dan berdasarkan objektif yang telah dirangka semenjak tahun 2022 dalam usaha berterusan untuk memperkasakan program-program penguatkuasaan, pemantauan pencemaran dan juga program-program kesedaran alam sekitar.





YBhg Datuk Nor Yahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bersama YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani MoU ini yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar bersama Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, YAS Datuk KPj.(PA) Aminurrahim bin Mohamed.

Majlis MoU ini juga turut menyaksikan sesi penyerahan Watikah Pelantikan Pegawai Kehormat dan Bersekutu kepada 22 orang pengurusan tertinggi Jabatan Alam Sekitar.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar dan JAS menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di atas jalinan kerjasama ini. Dengan termeterainya Memorandum Persefahaman ini, diharap kes-kes pencemaran alam sekitar di negara kita dapat dikawal dengan lebih efektif melalui kolaborasi berhubung pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif, demi memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara.

SESI LIBAT URUS PEMAKAIAAN AMLA BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 34B, AKAS 1974 DAN SESI LIBAT URUS PINDAAN AKAS 1974 – PERSPEKTIF PEMBUKTIAN KES



19 OGOS 2024, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Sesi Libat Urus Pemakaian AMLA Bagi Kesalahan Di Bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 Dan Sesi Libat Urus Pindaan AKAS 1974 – Perspektif Pembuktian Kes di Hotel Bayview, Melaka bermula 19-22 Ogos 2024. Sesi libat urus ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Sesi libat urus ini turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Penasihat Undang-Undang JAS, wakil daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka serta pegawai-pegawai pendakwa JAS Malaysia.



Sesi libat urus ini diadakan bagi membincangkan pengurusan kes jenayah alam sekitar selaras dengan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengendalian kes jenayah alam sekitar terhadap pemahaman AKAS 1974 bagi memastikan kes alam sekitar yang dibawa ke mahkamah menepati peruntukan perundangan yang sedia ada dan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa pengendalian kes jenayah alam sekitar di Mahkamah.

JABATAN ALAM SEKITAR TURUT SEMARAKAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2024 PERINGKAT NRES

2 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA – Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar bersama warga kerja JAS turut menyertai kemeriahan sambutan program Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama Pengurusan Tertinggi NRES yang diadakan di Dewan Damar Sari, Kompleks F8.

Majlis yang telah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad turut menyampaikan beberapa anugerah yang telah dipertandingkan antaranya pertandingan hiasan reruai tercantik serta penyampaian anugerah sempena aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sepanjang bulan kebangsaan.



MESYUARAT KEDUA PULUH MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP (MSJCE WG)

6 SEPTEMBER 2024, SABAH – Mesyuarat Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment Working Group (MSJCE WG) merupakan mesyuarat dua hala (bilateral) untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama erat di antara agensi kedua-dua negara untuk mencapai matlamat bersama dalam pengurusan dan perlindungan alam sekitar.

Mesyuarat MSJCE WG ke-20 telah diadakan pada 4 hingga 6 September 2024 di Kota Kinabalu, Sabah, di mana Malaysia adalah selaku Tuan Rumah. Mesyuarat dipengerusikan secara bersama oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia dan Encik Wong Kang Jet, Ketua Pegawai Eksekutif, National Environment Agency (NEA), Singapura.



Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri oleh delegasi dari Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), dan agensi-agensi lain termasuk, Pejabat Peguam Negara, Kementerian Luar Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Pelabuhan Johor, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pusat Hidrografi Nasional, Agensi Angkasa Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pusat Pencerapan Bumi Institut Perubahan Iklim, dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor. Manakala delegasi Singapura adalah terdiri daripada National Environment Agency, Ministry of Sustainability and the Environment, Ministry of Foreign Affairs, Attorney-General's Chambers, Ministry of National Development, Maritime and Port Authority, Public Utilities Board, Housing and Development Board, National Parks Board, dan Jurong Town Council.



Antara perkara yang telah dibincangkan dan diselaraskan dalam Mesyuarat ini adalah mengenai pendirian kedua-dua negara berhubung isu-isu alam sekitar yang melibatkan Selat Johor, tindakan kawalan pencemaran dan kualiti alam sekitar seperti kenderaan bermotor, kualiti air di perairan Selat Johor, pengurusan bahan kimia dan buangan berbahaya, hal-hal berkaitan keselamatan dan kerjasama di dalam pengurusan kecemasan dan kawalan pencemaran tumpahan minyak dan bahan kimia serta meningkatkan kerjasama pembangunan kapasiti (capacity building) melalui pusat latihan kedua-dua negara iaitu Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS) dan Singapore Environment Institute (SEI).

Kedua-dua negara berkesempatan melawat Akuarium dan Muzium Marin untuk melihat inspirasi pemuliharaan di laut dan Galeri Azman Hashim di Universiti Malaysia Sabah bagi melihat reka bentuk berkonsepkan 'popular design dan do-able' serta 'typical of Sabah'. Selain itu, semua delegasi juga berpeluang mengetahui kekayaan dan kepelbagaian etnik Sabah melalui lawatan di Perkampungan Budaya Mari-Mari.

FOCUS GROUP DISCUSSION BAGI PENAMBAHBAIKAN PEMAKAIAN “ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT GUIDELINES FOR DEVELOPMENT IN SLOPE AND HILL AREAS” ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT

10 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA - Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat telah menganjurkan Bengkel Focus Group Discussion (FGD) Bagi Penambahbaikan Pemakaian “*Environmental Impact Assessment Guidelines For Development In Slope And Hill Areas*” bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, JAS Ibu Pejabat pada 10 September 2024.

Sesi FGD ini telah dipengerusikan oleh YBr. Puan Hajah Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian dan turut dihadiri oleh wakil daripada agensi teknikal di peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Bahagian Pengurusan Alam Sekitar NRES, PLANMalaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerajaan Tempatan, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Sesi FGD ini juga dilaksanakan secara bersasar bagi memperincikan pindaan kepada Garis Panduan EIA yang melibatkan pembangunan di kawasan cerun supaya pemakaian Garis Panduan tersebut adalah lebih komprehensif dan selaras dengan polisi terkini. Antara perkara yang dibincangkan bersama di dalam sesi ini adalah berkaitan dengan keperluan untuk menetapkan keperluan tafsiran yang lebih jelas bagi pemakaian aktiviti yang ditetapkan untuk pembangunan di kawasan cerun dan tanah tinggi.

Semua wakil Jabatan telah memberikan input yang berkaitan di bawah bidang kuasa agensi masing-masing. Diharapkan agar pelaksanaan FGD mencapai objektif yang ditetapkan sekaligus dapat membentuk kerjasama erat di antara semua agensi yang terlibat.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 2/2024

12 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA - Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bil. 2/2024 telah dipengerusikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan turut dihadiri juga Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Mesyuarat MEXCOE tersebut juga dihadiri oleh Menteri-menteri dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari seluruh negara serta pegawai-pegawai Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan alam sekitar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Kehadiran Jabatan Alam Sekitar (JAS), Ibu Pejabat untuk Mesyuarat MEXCOE Bil. 2/2024 telah diketuai oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia turut serta bersama Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, selaku menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan wakil pengarah-pengarah daripada Bahagian Penilaian, Bahagian Air dan Marin, Bahagian Bahan Berbahaya serta pegawai-pegawai JAS.





Semasa mesyuarat tersebut, YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menekankan perkara-perkara penting di bawah JAS iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 atau Akta 127 telah dipinda sebanyak tujuh (7) kali sejak tahun 1974. Ini bertujuan untuk memperkasakan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang tertakluk kepada akta ini. AKAS (Pindaan) 2024 melibatkan pindaan mengenai penalti yang ditingkatkan kadarnya dari nilai asal kepada suatu nilai yang lebih tinggi dari denda sedia ada. Dengan hukuman yang lebih relevan dengan keadaan semasa, ia dapat membendung jenayah alam sekitar yang berlaku pada masa kini dan juga memberi amaran jelas kepada sektor industri dan juga premis agar sentiasa mematuhi peruntukan yang ditetapkan.

YB Menteri juga memaklumkan kepada ahli-ahli MEXCOE Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 akan dianjurkan pada 19 hingga 21 Oktober 2024 di seluruh negara. Majlis Perasmian HASN 2024 Peringkat Kebangsaan yang menjadi acara kemuncak sambutan HASN 2024 akan diadakan pada 21 Oktober 2024 di Langkawi, Kedah dan akan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah. Majlis tersebut juga akan menyaksikan penyampaian penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) dan Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS), pelancaran buku Memoir Anugerah Langkawi serta pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan. Pembudayaan alam sekitar melalui sambutan HASN ini akan dapat meningkatkan keterlibatan pelbagai agensi dalam menerapkan kesedaran, komitmen dan pembudayaan sayangi alam sekitar dengan menyantuni segenap lapisan masyarakat.

Pada mesyuarat kali ini, JAS telah membentangkan sebanyak satu (1) kertas pertimbangan iaitu Penguatkuasaan Pengimportan E-Waste dan Sisa Plastik Secara Haram serta Pengoperasian Kilang E-Waste dan Kilang Kitar Semula Sisa Plastik Secara Haram dan tiga (3) kertas makluman: (i) Standard Pelepasan Kenderaan Baharu bagi Kenderaan Berenjin Petrol, Diesel dan Motosikal serta Pematuhan Kualiti Minyak di Malaysia, (ii) Prosedur Pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) di Malaysia dan (iii) Pembangunan Solar Terapung di Badan Air.

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN



12 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA - YBhg. Datuk Noryahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam (NRES) dan YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi, Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri Kedah hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 di Parcel F, NRES.

Mesyuarat yang melibatkan beberapa Jabatan dan Agensi di peringkat Kerajaan Negeri ini turut dihadiri oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS), Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab, Pengarah JAS Negeri Kedah, Encik Mahadi bin Sukarno, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, NRES dan pegawai kanan JAS dari Negeri Kedah dan Ibu Pejabat.

Mesyuarat ini antara lain membincangkan koordinasi di antara semua Agensi di bawah kerajaan Negeri berhubung penganjuran Majlis Perasmian HASN 2024 yang dijangka disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Kedah pada 19-21 Oktober 2024.



PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN PASUKAN PENYELAM JABATAN ALAM SEKITAR

13 SEPTEMBER 2024, PULAU PINANG - Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat telah menganjurkan Kursus Hands-On Pasukan Penyelam JAS Bagi Pemeriksaan Syarat Kelulusan Laporan EIA Di Badan Air bertempat di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 11 hingga 13 September 2024.

Kursus yang dihadiri oleh 14 orang peserta yang terdiri daripada pegawai - pegawai JAS daripada Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan ini telah memberi pendedahan kepada ahli pasukan penyelam keadaan sebenar di tapak projek penambakan yang sedang aktif dilaksanakan iaitu di tapak projek *Penang South Reclamation (PSR)*.

Setiap ahli pasukan penyelam telah didedahkan dengan kaedah-kaedah teknikal untuk melaksanakan selaman bagi tujuan pemeriksaan tirai kelodak (silt curtain) dan juga pengambilan sampel sedimen di badan air khusus bagi penguatkuasaan pematuhan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA mengikut Prosedur Operasi Standard Pasukan Penyelam JAS.

Dengan pendedahan sebenar di tapak projek EIA dan kemahiran yang diperolehi daripada kursus ini, ianya akan meningkatkan lagi kemahiran dan ilmu berkaitan teknik-teknik pemeriksaan apabila melakukan selaman kepada setiap ahli pasukan penyelam JAS.



Ucapan selamat menyambut Hari Ozon Sedunia 2024
Daripada
Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

Selamat Menyambut
**HARI OZON
SEDUNIA**
2024

MONTREAL PROTOCOL:
Advancing Climate Action
16 SEPTEMBER 2024

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR

WAN A. LATIFF

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

f JABATAN ALAM SEKITAR @ JABATANALAMSEKITAR X JABATAN ALAM SEKITAR y JABATAN ALAM SEKITAR

BENGGEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

23-24 SEPTEMBER 2024, MELAKA – Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar Ibupejabat dengan kerjasama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM telah menganjurkan satu bengkel bagi pemurnian garis panduan pelaksanaan dan penilaian program SLAAS yang menghimpunkan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), pegawai JAS negeri dan ibupejabat.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Hj. Saedon Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS. Pemurnian garis panduan ini adalah penting bagi memastikan garis panduan SLAAS yang telah digunakan sejak tahun 2005, mengadaptasi dengan konsep kelestarian yang semakin meluas. Selain itu, dengan wujudnya sistem MySLAAS yang telah pun go-live pada 4 Jun 2024 yang lalu, keperluan untuk menyemak semula garis panduan ini agar selari dengan sistem MySLAAS adalah perlu. Sistem ini akan diguna pakai sepenuhnya semasa SLAAS sesi 2025/2026 akan datang.

Diharapkan dengan wujudnya sistem MySLAAS dan disokong dengan garis panduan yang baharu, ia akan menjadi pemudah cara kepada semua pemegang taruh yang terdiri daripada komuniti sekolah untuk terlibat aktif dalam SLAAS.



PROGRAM SINERGI JURURUNDING EIA BERTEMPAT DI HOTEL DORSET, PUTRAJAYA ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT PADA 25 SEPTEMBER 2024

25 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA – Satu program Sinergi Jururunding EIA telah berlangsung di Putrajaya pada 25 September 2024. Program ini melibatkan penyertaan 100 orang Jururunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar di bawah Skim Pendaftaran Jururunding EIA serta pegawai - pegawai Jabatan Alam Sekitar.

Program ini merupakan julung kalinya menghimpunkan Jururunding EIA daripada pelbagai kategori skim iaitu jururunding EIA(C), CS, SS, AC dan juga ACS. Sinergi Jururunding EIA adalah program yang dibentuk sebagai usaha Jabatan bagi memperkukuhkan pembangunan modal insan di kalangan jururunding EIA dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai Orang Yang Layak menjalankan kajian dan menyediakan EIA Laporan EIA.

Selain itu, kehadiran jururunding EIA dalam pebagai bidang kepakaran ini dapat bertukar-tukar pandangan dan pendapat dalam semua aspek pengurusan alam sekitar dan meluaskan networking di kalangan professional alam sekitar



Pengarah Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar merasmikan Program Sinergi Jururunding EIA di Hotel Dorsett Putrajaya



Kertas pembentangan 1: Kompetensi Jururunding EIA dan Kualiti Laporan EIA - Puan Rohimah binti Ayub Pengarah Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Malaysia



Kertas Pembentangan 3 : Tanggungjawab Jururunding Subjek dan Penulisan Laporan EIA Bagi Skop Kajian - Puan Fasihah binti Mohd Yusof Jururunding EIA, Green Orbis Environmental Sdn. Bhd.



Kertas Pembentangan 2 : Tanggungjawab Ketua Pasukan Jururunding EIA dan Penulisan Laporan EIA yang Baik - Dr.G.Balamurugan, Pengarah Urusan, Aurecon Lestari Sdn Bhd

Program Sinergi Jururunding EIA ini melibatkan pembentangan empat (4) kertas iaitu:

- i. Kertas Pembentangan 1: Kompetensi Jururunding EIA dan Kualiti Laporan EIA - Puan Rohimah binti Ayub Pengarah Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Malaysia
- ii. Kertas Pembentangan 2 : Tanggungjawab Ketua Pasukan Jururunding EIA dan Penulisan Laporan EIA yang Baik - Dr.G.Balamurugan, Pengarah Urusan, Aurecon Lestari Sdn Bhd
- iii. Kertas Pembentangan 3 : Tanggungjawab Jururunding Subjek dan Penulisan Laporan EIA Bagi Skop Kajian - Puan Fasahah binti Mohd Yusof Jururunding EIA, Green Orbis Environmental Sdn. Bhd.
- iv. Kertas Pembentangan 4 : Libat Urus Kajian Bagi Pengenaan Fi Berkaitan Pemprosesan Laporan EIA di Bawah Projek RMK-12 - Encik Wan Mujahid Bin Wan Hamidon Jururunding EIA, Aurecon Lestari Sdn. Bhd.

Selain itu, program ini menjadi platform mendapatkan input berkenaan kajian pengenaan fi yang sewajarnya dalam proses yang berkaitan dengan keperluan di bawah Seksyen 33A, Seksyen 34A dan Seksyen 35 di bawah AKAS 1974 atau peruntukan berkaitan. Projek Kajian ini adalah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik iaitu Aurecon Lestari.

Program ini diharap dapat memberikan manfaat kepada semua peserta yang terlibat. Semua pandangan dan input yang diterima akan diambil kira dalam melengkapkan kajian ini dan Jabatan berharap kajian ini akan membantu dalam meningkatkan tadbir urus pelaksanaan pemprosesan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) pada masa akan datang dan pengurusan alam sekitar secara umumnya.




Kertas Pembentangan 4 : Libat Urus Kajian Bagi Pengenaan Fi Berkaitan Pemprosesan Laporan EIA di Bawah Projek RMK-12 - Encik Wan Mujahid Bin Wan Hamidon Jururunding EIA, Aurecon Lestari Sdn. Bhd.



Bil.80/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Guidelines of Environmental Pollution and Control




This book has been written with the aim of acquainting readers with these guidelines and rules, taking an international perspective on the issue. All the main focus of pollution-land, air, water and noise, have been covered within this purview, with special emphasis on the laws and regulations existing in India. Emphasis has also been placed on a critical evaluation of these guidelines, and what needs to be incorporated within them, to make them more comprehensive and all-encompassing

More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil. 83/2024

Monitoring in Coastal Environments Using Foraminifera and Thecamoebian Indicators




The book introduces the topic to nonspecialists and then goes on to give detailed descriptions of the methods and techniques. Resource managers and consultants in the public and private sectors who routinely work on coastal environmental problems will find this book invaluable.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.77/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

COASTAL AND ESTUARINE RISK ASSESSMENT



RISK ASSESSMENT IS THE CORNERSTONE OF CONTEMPORARY ENVIRONMENTAL PROTECTION. YOU MUST FIND THE ANSWERS TO QUESTIONS SUCH AS: WHAT MIGHT BE THE IMPACTS OF THE NEW SYNTHETIC CHEMICALS, WHAT PROBLEMS MIGHT ARISE FROM THE NORMAL OPERATIONS OF INDUSTRY, WHAT ARE THE CHANCES OF ACCIDENTAL RELEASES AND HOW WILL THEY IMPACT THE ENVIRONMENT? UNDERSTANDING AND ASSESSING THESE RISKS IS ESSENTIAL TO SOUND ENVIRONMENTAL POLICY AND MANAGEMENT


More Info: 03-8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil. 72/2024

Mathematical methods in chemical and biological engineering

MATH IS FUN!!

This book presents examples drawn from recent scientific and technical literature on chemical engineering, biological and biomedical engineering, food processing, and a variety of diffusional problems to demonstrate the real-world value of the mathematical methods. Emphasis is placed on the background and physical understanding of the problems to prepare students for future challenging and innovative applications.



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
103-8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

HAZOP


Guide to Best Practice

This book explains how to implement HAZOP techniques in new facilities and apply it to existing facilities. The content covers many of the possible applications of HAZOP and takes you through all the stages of a study. This simple, easily digestible book is a favorite in the chemical and process industries.

More info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.66/2024

CARBON MONOXIDE TOXICITY




Public interest in the health impacts of carbon monoxide (CO) has been increasing rapidly during the past decade. And rightly so: it is the most ubiquitous environmental poison. Car exhaust fumes, furnaces, gas-powered engines, home water heaters, smoke from all types of fire, and tobacco smoke all contribute to carbon monoxide intoxication - the leading cause of poisoning death in the United States. Even when it doesn't cause death, it often produces lasting, deleterious effects on the central nervous system.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
03 -8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.64/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Laboratory Guide for Conducting Soil Tests and Plant Analysis



With the help of this guide, you can use obtained test results to evaluate the fertility status of soils and the nutrient element status of plants for crop production purposes. It serves as an instructional manual on the techniques used to perform chemical and physical characteristic tests on soils. Laboratory Guide for Conducting Soil Tests and Plant Analysis describes the basis and procedures for each test in detail, including analytical instrumentation procedures and laboratory quality assurance requirements.


INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA@EiMAS
03-8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.63/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Air Quality Modeling

Theories, Methodologies, Computational Techniques, & Available Databases & Software



This is the first volume of a book series focusing on the evolving field of air quality modeling. This volume takes an in-depth look at the fundamentals of modeling, and includes a review of air pollution meteorology and Eulerian grid models, an introduction to Gaussian plume models, and a discussion of plume rise formulations. With individual chapters written by experts in their fields, this publication gives environmental professionals a solid foundation for understanding modeling techniques using both semi-empirical formulations and well-established atmospheric science.

03 - 8926 1500 **MORE INFO** www.eimas.doe.gov.my

Bil. 60/2024

Waste Management FOR THE FOOD INDUSTRIES

**Waste Management
for the Food Industries**

Ioannis S. Arvanitoyannis

Food Science and Technology, International Series

The continuously increasing human population, has resulted in a huge demand for processed and packaged foods. As a result of this demand, large amounts of water, air, electricity and fuel are consumed on a daily basis for food processing, transportation and preservation purposes. Although not one of the most heavily polluting, the food industry does contribute to the increase in volume of waste produced as well as to the energy expended to do so.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil. 57/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

The Science of Environmental Pollution

Environmental issues continue to attract attention at all levels. Some sources say that pollution is the direct cause of climate change; others deny that the possibility even exists. This text sorts through the hyperbole, providing concepts and guidelines that not only aid in understanding the issues, but equip readers with the scientific rationale required to make informed decisions.

More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil. 50/2024

INDUSTRIAL VENTILATION

A Manual of Recommended Practice for Design

INDUSTRIAL VENTILATION
A Manual of Recommended Practice for Design

27th Edition

ACGIH
Signature Publications

This manual provides practical guidance on the design, installation, and operation of industrial ventilation systems, helping to ensure the health and safety of workers in a variety of industrial settings. With its clear and concise language and comprehensive coverage, it is an indispensable resource for both beginners and experienced practitioners in the field.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil. 53/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

GIS, Environmental Modelling and Engineering

Allan Brimicombe

GIS, Environmental Modelling and Engineering

The significance of modeling in managing the environment is well recognized from scientific and engineering perspectives as well as in the political arena. Environmental concerns and issues of sustainability have permeated both public and private sectors, particularly the need to predict, assess and mitigate against adverse impacts that arise from continuing development and use of resources.

www.eimas.doe.gov.my 03 - 8926 1500

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727



Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700





GLOBAL WARMING

N O C Q G M E H I X X H H J W J T Y T L Z O W O
 I E K Y X F O I D J R E H W Q K P N N L G C B H
 T O H Q S J N U A H G U Q F M F F Q D F R S A C
 R K Q G Z D I V R V M S F E V N U B T D E F Z A
 O H V O C K G M C A A B K N K S U K Z C E X D R
 U E X R I B P M N H F I Y V Q O W J U O N D M B
 S I Y U R I S A U S X Q F S S R M D V M H F Z O
 O N A X K H C R X F W L N Q F Z H S X N O D E N
 X E L T N T R Q Z T G W J A K N E M J E U E V D
 I A H E I I Y P N V K Q L T E X N N B C S N X I
 D B M V C V E A Y L L R Y J K T O F P L E O W O
 E J I A I M R R W F F W Q C P E Q B E I G Z N X
 D T N T F J C G E K B U Z P D U G C M M A O W I
 Y E N P S A Z S A B T Z M F A X K T Y A S Y Y D
 S Y K Z Y F E U N L I H T V F V R Z Z T E Y H E
 G F Y C Q L H L L W N M V X C M E Q S E S B F I
 I C A K U W L F E U T U P F T Z A D O C L F V H
 B W W F W V W U A C A N S L Y K R G Q H M I I W
 O D Y S O I W Y E I L B F J E J T B C A W L H F
 I Y N O I T U L L O P X B X P G H M N N Q E E B
 M E T H A N E Z X K M J H Q L Y K X E G M M N Z
 W U Z R E Q D Y I K K T B F M K F H N E U O I J
 S U K N H X T Q T R F M E O U M I W G H S T G G
 P E Z J P B L P I R K J G N Z S E V E R E K K A

- Greenhouse Gases
- Carbon Dioxide
- Pollution
- Smoke
- Sun
- Human Activity
- Nitrous Oxide
- Methane
- Earth
- Climate Change
- Hurricanes
- Severe
- Ozone

Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

